

Kerjasama KL, Singapura mesti kukuh

KUALA LUMPUR, Jumaat — Hubungan rapat di antara Malaysia dan Singapura perlu dipelihara menerusi pelbagai bidang kerjasama, di samping mengatasi masalah yang mungkin timbul, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Malaysia akan terus memberi perhatian kepada perkembangan hubungan dua hala dengan republik berkenaan walaupun ada kalanya pihak tertentu cuba mengganggu keadaan dengan menimbulkan pelbagai isu remeh-temeh.

Beliau berkata, sebagai negara yang suatu ketika dahulu bersatu, jurang yang memisahkan kedua-dua pihak seharusnya dilupakan dan dijadikan satu landasan untuk memperkukuhkan kerjasama.

"Apa yang penting dalam hubungan ini ialah, kita saling mengambil berat soal kemajuan negara dan rakyat. Konfrontasi tidak akan membawa keuntungan.

"Sehubungan itu, kita perlu mengamalkan dasar yang pragmatik serta memahami masalah bersama," katanya di majlis jamuan makan malam meraikan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong, di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah lebih baik pemimpin kedua-dua negara memikirkan bagaimana untuk memanfaatkan lagi hubungan baik yang sedia ada, daripada menyimpan perasaan syak-wasangka sesama sendiri.

Menurutnya, banyak bidang kerjasama yang dikecap oleh kedua-dua negara setakat ini, membuktikan bahawa sejarah pemisahan Malaysia-Singapura seolah-olah membawa rahmat kepada rakyat masing-masing.

"Kerjasama yang kita capai setakat ini memberi faedah besar kepada kedua-dua negara. Ini termasuklah perjanjian mengenai air, gas, pembesaran Tambak Johor, pelaburan, pelancongan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, Encik Goh juga bertanggungjawab mengilhamkan rancangan pembangunan bersama di antara Singapura, Johor dan Kepulauan Riau.

Mengenai perlantikan Encik Goh sebagai Perdana Menteri baru Singapura, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia mencerminkan era peralihan kuasa yang amat menarik pada abad ini.